

# UMNO kini lebih matang

um-11/5/2016

DALAM merintis ketuanan orang Melayu, UMNO selaku pemegang amanah bangsa menyambut ulang tahun ke-60 hari ini - satu usia yang amat matang untuk mencapai arah tujuanya.

Namun dalam mencapai peringkat matang itu, tidak semua orang Melayu bernasib baik, bertuah dan berjaya menikmati hasil perjuangan UMNO selama 60 tahun itu.

Sememangnya tiada siapa boleh menafikan hakikat bahawa jasa UMNO amat besar. UMNO menjadi pejuang merintis jalan sukar dan berhadapan dengan cabaran getir sehingga kini bangsa Melayu diangkat martabatnya ke satu kedudukan yang boleh dihormati.

Sudah tentu ramai pemimpin menggambarkan sebuah harapan yang bakal menanti selama 60 tahun pembangunan yang dirancang kelihatan seperti tidak dinikmati oleh bangsa Melayu secara sama-rata.

Apatah lagi apabila ada tanggapan kepesatan pembangunan membawa kebebasan dan petaka kepada survival dan masa depan kita.

Harus diingat sekitar tahun 1970 ekonomi orang Melayu cuma 1.9 peratus

peratus sementara bukan bumiputra meneraju 37.4 peratus.

Tercetusnya Rancangan Malaysia Kedua adalah untuk mengubah pemilikan struktur ekonomi dengan pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB) untuk menstrukturkan semula pemilikan ekuiti bangsa Melayu.

Dasar tersebut bermula dengan membeli beberapa syarikat asing yang menguasai ekonomi negara dan pemilikan khazanah negara sehingga lahir tokoh-tokoh Melayu yang diangkat secara mendadak menjadi tokoh korporat Melayu.

Ramai daripada 'segelintir Melayu' mendapat rahmat daripada hujan emas, seperti bulan jatuh ke riba.

Dasar payung untuk memberi perlindungan kepada orang Melayu tidak berlaku dengan jayanya kerana pemilikan harta dan kekayaan belum dapat diagihkan secara sama rata.

Memang lahirnya tokoh korporat Melayu terbilang dengan kekayaan mega tetapi ini masih tidak mengubah kedudukan orang Melayu yang masih lagi kais pagi makan pagi sementara masih ramai dalam kemiskinan tegar.

Hari ini kita merayakan kelahiran

usia yang cukup matang apatah lagi jika ia dilihat dari sudut sebuah perjuangan.

Dalam usia itu juga UMNO perlu fokus kepada usaha untuk memperbaiki kesilapan lalu dan merancang untuk membangun bangsa mengikut acuan perjuangan terdahulu yang bermatlamat untuk kepentingan orang Melayu bukan segelintir bangsawan.

Kata orang ada padi kerja jadi, ada beras kerja deras tetapi jangan sebab motif padi dan beras baru berlakunya sebarang pekerjaan tetapi berjuang demi mencapai sebuah harapan untuk masa depan bangsa yang gemilang.

Kita belum berjaya atau sangat berjaya dalam harapan dan cita-cita. Adakah tercapainya DEB yang diuar-uarkan itu.

Bangsa kita sudah banyak berubah dari nilai budaya dan kebudayaannya pun telah mengalami perubahan yang mencabar kewujudan.

Orang Melayu tidak berfikir secara kebudayaan Melayunya dalam tradisi budayanya lagi tetapi dicitlak daripada pembangunan dunia hari ini yang memihak kepada kebaratan.

Hasilnya ramai sudah lupa daratan dan longgar pegangan adat dan agama.

yang diperoleh oleh jenis Melayu ini tidak memberi manfaat kepada orang Melayu lain. Kita mahu dilahirkan semula dalam alaf baru ini bangsa Melayu dalam semangat tahun 1946; berjuang untuk kepentingan orang Melayu.

UMNO mesti dikhususkan untuk melihat kembali dasar perjuangannya dan kembali menepati amanah yang diamalkan oleh orang Melayu supaya lebih menjaga bangsanya dahulu dan kepentingan orang Melayu terdahulu supaya orang Melayu tidak dihayutkan oleh arus deras pembangunan menjadi serpihan dan sampah sarap yang terhanyut.

UMNO mestilah lebih peka kepada sensitiviti bangsanya, tanahnya dan maruah harga diri orang Melayu daripada terjerumus dalam sketsa politik dalam sandiwara mainan dan berlakon dengan rentak mengikut skrip.

Selama 60 tahun menjadikan UMNO cukup matang untuk kali ini berjuang untuk mendapat tempat, mengembalikan hak yang terabai demi sebuah bangsa yang amanahkan UMNO menjaganya.

Selamat hari jadi UMNO 60 tahun.

- ABDULLAH YAHYA,